



Manuscript Title: Persatuan Guru Melayu Kedah (PGMK), 1946–1956: Isu-Isu Pendidikan dan Perguruan

Author(s): Mohamad Muzammil Mohamad Noor

Accepted Date: 07-March-2021

Please cite this article as: Mohamad Muzammil Mohamad Noor. 2021. Persatuan guru Melayu Kedah (PGMK), 1946–1956: Isu-isu pendidikan dan perguruan. *Kajian Malaysia* (early view).

This is a provisional PDF file of an article that has undergone enhancements after acceptance, such as the addition of a cover page and metadata, and formatting for readability, but it is not yet the definitive version of record. This version will undergo additional copyediting, typesetting and review before it is published in its final form, but we are providing this version to give early visibility of the article.

Kajian Malaysia (early view)

PERSATUAN GURU MELAYU KEDAH (PGMK), 1946-1956: ISU-ISU PENDIDIKAN DAN PERGURUAN

THE MALAY TEACHERS ASSOCIATION OF KEDAH (PGMK), 1946-1956: EDUCATIONAL AND EDUCATOR RELATED ISSUES

Mohamad Muzammil Mohamad Noor

Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia,
11800 Pulau Pinang, MALAYSIA.

Email: muzammil@usm.my / pfm7615@gmail.com

ABSTRACT

This article discusses the struggles of Kedah Malay teachers through the Malay Teachers Association of Kedah (PGMK) in dealing with language issues particularly pertaining the Malay language medium in the Malay education system before obtaining independence. Apart from salary increment claims, they demand from the British colonial to regard Malay as a communication language in all the Malay schools across Kedah. With regards to this, the main objective of this study is to highlight the role of Malay teachers of Kedah, through their association, in demanding for their own welfare and Malay education by making the Malay language the main language taught in primary schools and secondary schools in the then Malaya. They argue that the colonial-era education system introduced by the British government is not suitable for practice in the local education system. The discussion in this paper is based on the analysis of historical resources from the newspapers and magazines before independence, i.e. Warta Negara, Majalah Guru and The Straits Times as well as the archival research method study analysing British documents. This research employed primary and secondary resources from archives, PGMK office and university libraries. This writing piece traces the struggles for Malay teachers in order to give an impact on the colonial governance in taking the necessary steps to address their issues which aim to make the Malay language as the medium in the school education system. The study successfully proved the impact of teachers as advocates for the Malays over the colonial government which resulted in several changes in the demands of salary claims, teachers' educational opportunities, school facilities and language issues.

Keywords: Malay teachers, Malay Education System, Malay schools, Malay Teachers Association of Kedah, British colonial

© Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2021. This work is licensed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY) (<http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

ABSTRAK

Makalah ini membincangkan tentang perjuangan guru-guru Melayu Kedah melalui Persatuan Guru-guru Melayu Kedah (PGMK) iaitu isu bahasa sebagai medium pendidikan serta sistem pendidikan Melayu sebelum tanah air mencapai kemerdekaan. Selain berjuang menuntut kenaikan gaji, mereka menuntut bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi di sekolah-sekolah Melayu di Kedah daripada pihak kolonial British. Berdasarkan permasalahan tersebut, objektif utama yang ingin diketengahkan dalam penulisan ini ialah isu-isu guru Melayu Kedah dalam menuntut kebajikan mereka serta pendidikan Melayu dengan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa utama diajar di sekolah kebangsaan dan sekolah menengah di Tanah Melayu di samping memartabatkan bahasa itu di institusi. Perjuangan merubah sistem pendidikan zaman kolonial yang diperkenalkan oleh kerajaan British adalah tidak sesuai diamalkan dalam sistem pendidikan tempatan. Perbincangan dalam penulisan ini adalah berdasarkan kepada pendekatan sejarah iaitu sumber-sumber daripada media massa sebelum merdeka seperti akhbar Warta Negara, Majalah Guru dan The Straits Times serta penyelidikan menerusi kaedah kajian arkib dengan menganalisis dokumen-dokumen British. Penyelidikan ini menggunakan sumber primer dan sekunder yang dirujuk di arkib-arkib, pejabat PGMK dan perpustakaan universiti. Hasil penulisan ini mengesani perjuangan guru-guru Melayu memberi impak kepada kerajaan kolonial dalam mengambil langkah-langkah yang perlu bagi menangani isu-isu yang dibangkitkan oleh mereka untuk menjadikan peranan guru dimartabatkan serta bahasa Melayu sebagai medium dalam pendidikan di sekolah. Impak kajian berjaya membuktikan bahawa guru berperanan sebagai kumpulan pendesak bagi masyarakat Melayu ke atas kerajaan kolonial yang menyebabkan berlaku beberapa perubahan dalam isu-isu tuntutan gaji, peluang pendidikan guru, kemudahan sekolah dan nasionalisme bahasa.

Kata kunci: guru Melayu, Sistem Pendidikan Melayu, sekolah Melayu, Persatuan Guru Melayu Kedah, kolonial British

PENGENALAN

Persatuan Guru Melayu Kedah (PGMK) yang diasaskan pada 15 Mac 1946 adalah kesinambungan persatuan guru yang terdahulu, Persekutuan Naungan Guru-guru Kedah Darul-Aman (PNGK) yang terkubur pada tahun 1939 setelah menjelang pendudukan tentera Jepun di Tanah Melayu (Chenderamata 1971, 81). Sebuah lagi persatuan guru Melayu yang mewakili golongan ulama dan guru agama di sekolah pondok, madrasah dan sekolah aliran Arab iaitu Persatuan Ulamak Kedah (PUK) yang juga merupakan ahli-ahli PGMK yang turut bersama-sama mengasaskan persatuan ini. Cikgu Muhammad Darus Abdul Rahman

merupakan guru Melayu yang berusaha menubuhkan persatuan guru ini bersama-sama dengan Cikgu Salleh Ibrahim, Cikgu Othman Khamis, Cikgu Saidin Yahya, Cikgu Asha'ari Ahmad al-Salleh, Cikgu Hanafiah Shafie, Cikgu Balkis Haji Abdullah, Cikgu Saidin Hanafi dan Ustaz Rejab Darus dari PUK. Cikgu Darus yang menjawat jawatan Penolong Penguasa Pelajaran dan Penaziran Sekolah-sekolah Kedah ketika itu, telah memberi kelebihan kepada pengasasan persatuan ini sebagai medium bersuara kepada pentadbiran British di Kedah. Tujuan PGMK yang dinaungi oleh gabungan persatuan guru pusat iaitu Kongres Persekutuan Guru-guru Melayu Semenanjung (KPGMS) diasaskan oleh guru-guru Melayu adalah untuk menjaga kepentingan, kebajikan dan menyatukan mereka bagi mempertahankan maruah dan hak sebagai pendidik anak bangsa serta memartabatkan kedaulatan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan tanah air pada zaman kolonial (Muzammil 2012a, 99). Walaupun begitu, persatuan ini tidak dapat mengelak dari tujuan politik dan nasionalisme Melayu dalam perjuangan memerdekakan Tanah Melayu daripada kolonial British. Kebajikan yang dimaksudkan ini dapat diklasifikasikan berkaitan hal-hal kebajikan guru yang meliputi; membentuk tabung khairat kematian dalam kalangan guru Melayu, berkaitan gaji dan kuarters guru. Mereka juga menuntut supaya pihak pemerintahan kolonial mengatasi masalah kemunduran pendidikan anak-anak Melayu dan kemudahan asas di sekolah-sekolah aliran Melayu seperti penambahan kelas dan perpustakaan serta menambah sekolah-sekolah di luar bandar.

Isu bahasa dan pendidikan menjadi perjuangan utama mereka sebelum tanah air mencapai kemerdekaan daripada pihak kolonial British. Hal ini turut dilakukan oleh guru-guru Melayu dari Kedah yang menjadikan PGMK dan PUK sebagai medan perjuangan menuntut hal ehwal kebajikan mereka, pembangunan pendidikan sekolah Melayu dan berasaskan sekolah agama, sistem pendidikan yang terurus serta memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa perantara di sekolah-sekolah di Kedah. Selain melalui persatuan-persatuan guru, mereka menggunakan landasan politik seperti Sarikat Kerjasama Am Saiburi (SABERKAS), Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) dan Parti Islam Sa-Tanah Melayu (PAS) serta kelab-kelab Melayu lain untuk mencapai hasrat mereka, terutama setelah pilihan raya pertama Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1955 diadakan (Muzammil 2005b). Peluang ini tidak dipersia-siakan dengan sebegitu sahaja oleh mereka bagi mendaulatkan bahasa kebangsaan sebagai bahasa komunikasi pengajaran di sekolah-sekolah aliran Melayu tanah air.

LATAR BELAKANG PERJUANGAN

Perjuangan guru-guru Melayu pada zaman penjajahan British adalah seiring bersama-sama dengan semangat perjuangan membangunkan masyarakat Melayu yang jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan kaum imigran iaitu Cina dan bangsa Inggeris dalam membangunkan sekolah-sekolah mereka melalui bahasa ibunda masing-masing. Melihat situasi kemunduran masyarakat Melayu yang diabaikan oleh pihak British, kebanyakan guru Melayu merasa kecewa dengan dasar kerajaan kolonial yang kurang mengambil berat terhadap mereka dan mengabaikan kepentingan pendidikan masyarakat Melayu. Ia termasuk juga kekurangan sekolah Melayu dan pelajar tidak diberi peluang belajar ke tahap yang lebih tinggi. Kebanyakan pelajar Melayu hanya tamat belajar setakat darjah empat dan lima sahaja. Implikasi dari sistem pendidikan yang diperkenalkan oleh penjajah menyebabkan berlakunya tuntutan-tuntutan oleh guru-guru Melayu iaitu tuntutan gaji, pendidikan guru, kemudahan sekolah dan nasionalisme bahasa. Selain kelengkapan kemudahan di sekolah-sekolah Melayu kurang diambil perhatian, pihak kerajaan British turut menghadkan peluang masyarakat Melayu menjadi guru.

Sebelum meletusnya Perang Dunia Kedua, hanya sedikit jumlah bakal guru Melayu terpilih ke *Sultan Idris Training College* (SITC), Perak dan maktab lain (Awang 1974). Selebihnya, guru-guru yang gagal berpeluang mengikuti latihan formal perguruan tersebut, mereka diberi latihan tidak formal di sekolah-sekolah terpilih yang dikenali sebagai *Normal Class*. Disebabkan dasar British tersebut, guru-guru Melayu melalui PGMK mendesak pihak kolonial mengiktiraf guru-guru sekolah rakyat sebagai guru terlatih melalui pertambahan jumlah diterima latihan kejuruan di maktab perguruan. Hal ini adalah kerana guru-guru sekolah tersebut bertaraf bukan guru kerajaan dan dilantik oleh sesebuah lembaga sekolah tersebut.

Berkaitan dengan isu bahasa Melayu pula, perjuangan guru-guru Melayu dalam pendidikan berterusan apabila mereka mahu kerajaan kolonial British mengubah dasar pendidikan mengikut kaum yang selama ini dijalankan secara berasingan. Melalui dasar pendidikan yang dikehendaki oleh mereka itu, sistem persekolahan dan pendidikan tanah air perlu diseragamkan dengan mewujudkan satu jenis sekolah untuk semua kaum yang dikenali sebagai 'Sekolah Kebangsaan'. Guru-guru Melayu Kedah misalnya, melalui PGMK, mereka telah menghantar beberapa memorandum supaya diadakan sistem persekolahan tersebut kepada kerajaan Persekutuan Tanah Melayu bermula dari tahun 1946 hingga 1961 (Muzammil 2012a).

Hasrat mereka agar semua sekolah-sekolah Inggeris, Cina dan Tamil yang wujud secara berasingan dan dikawal selia mengikut cara masing-masing dirombak dan

seterusnya menggunakan satu dasar pendidikan kebangsaan dengan menggunakan bahasa komunikasi tunggal, bahasa Melayu sebagai bahasa perantara dan mempunyai sistem sukatan yang seragam. Melalui satu sistem pendidikan ini, guru-guru Melayu berharap dapat mengatasi masalah diskriminasi antara sekolah Inggeris dan sekolah Melayu serta penyatuan etnik. Di samping itu, sistem pendidikan yang dicita-cita itu dapat mewujudkan satu bangsa bersatu dengan mengamalkan satu kebudayaan kebangsaan dan toleransi antara kaum dapat diwujudkan. Sistem pendidikan kolonial yang selama ini diperkenalkan oleh British itu tidak mendatangkan apa-apa keuntungan kepada sesama bangsa mahupun kepada tanah air; malah ia akan meningkatkan lagi jurang perbezaan bangsa, budaya dan agama yang akhirnya akan mewujudkan suasana kucar-kacir antara etnik di tanah air (Haris 1983).

Selain isu-isu di atas, guru-guru Melayu juga mencetuskan lagi isu yang harus diperjuangkan agar pemerintah British dapat membina lebih banyak sekolah menengah kebangsaan di pekan-pekan kecil di Kedah seperti di Yan, Baling dan Sik (*Buku Minit Mesyuarat Agung PGMK* 1946). Dalam masa yang sama, mereka turut mendesak kerajaan British supaya sekolah pertukangan yang meliputi sekolah vokasional, sekolah tanaman (pertanian) dan perniagaan diperkenalkan dan dibangunkan kepada masyarakat Melayu Kedah dengan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pengajaran dan pembelajaran. Pembinaan sekolah-sekolah ini bertepatan diperkenalkan disebabkan murid-murid yang lulus darjah lima dan enam kian bertambah tetapi tidak dapat menyambung ke peringkat seterusnya di sekolah biasa yang mungkin tidak berminat dalam bidang akademik. Kesannya akan mewujudkan masalah pengangguran yang menjadi fenomena baharu di kawasan luar bandar akibat faktor kemiskinan dan kurangnya prasarana pendidikan berbentuk bukan akademik. Bagi mereka yang lebih bercenderung dalam akademik, hanya sebilangan kecil mereka terpilih berkursus ke SITC dan maktab lain. Selebihnya akan menjadi guru tidak terlatih atau berkhidmat di pejabat kerajaan sebagai kakitangan bertaraf rendah serta sebagai anggota tentera dan polis sahaja. Senario ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu agak ketinggalan ke belakang jika dibandingkan dengan bangsa lain terutama Cina yang rata-ratanya menceburi bidang perekonomian dan perniagaan.

PERJUANGAN MENUNTUT PERSAMAAN GAJI DAN PENDIDIKAN GURU

Pada akhir tahun 1946, guru-guru Melayu melalui PGMK telah mengadakan kerjasama dengan pentadbiran British di Kedah membentuk sebuah 'Majlis Bersama' yang dianggotai bersama wakil-wakil daripada pegawai kerajaan dengan guru-guru Melayu Kedah bagi membincang isu-isu yang dibangkitkan.

Penubuhan majlis ini dibangunkan dalam usaha untuk menuntut hal ehwal kebajikan guru-guru serta sistem persekolahan dan pendidikan Melayu di Kedah. Isu-isu dan tuntutan-tuntutan guru-guru Melayu Kedah terhadap kerajaan British ialah membangkitkan bantuan kewangan kerajaan untuk disalurkan kepada sekolah-sekolah Melayu yang meliputi peralatan mengajar dan kemudahan asas pelajar serta mendesak kerajaan negeri mengiktiraf guru-guru sekolah rakyat sebagai guru kerajaan. Hal ini kerana guru-guru sekolah rakyat bertaraf bukan guru kerajaan dan dilantik oleh sesebuah lembaga sekolah tersebut. Selain itu, mereka turut menuntut pihak pemerintah British mengadakan latihan khusus tanpa memasuki institusi pendidikan iaitu *Normal Class* yang setaraf dengan pelajaran tahun tiga di SITC bagi guru-guru yang tidak berpeluang ke maktab perguruan (*Buku Catatan Minit Mesyuarat Agung PGMK* 1946). Persefahaman melalui majlis perundingan ini menunjukkan mereka berusaha menggunakan persatuan guru mereka sendiri bagi mencapai tuntutan dalam memperjuangkan nasib guru-guru dan sekolah Melayu apabila bekerjasama dengan pemerintahan British di Kedah.

Hasil daripada tuntutan ini, pihak pemerintah British di Kedah mula memperkenalkan *Normal Class* pada akhir tahun 1948 yang dikenali sebagai *Malay Teachers Training Course* (MTTC) (*Chenderamata* 1966; Muzammil 2012a, 114). Secara tidak langsung, cadangan PGMK ini telah mencetus idea baharu dalam pendidikan perguruan Melayu tanah air. Kursus ini diadakan pada hujung minggu di setiap daerah di Kedah dengan mengambil masa antara tiga hingga lima tahun dan dibiayai oleh pejabat pelajaran negeri. Tenaga pengajar yang dilantik untuk melatih dan membimbing mereka adalah yang berkelulusan SITC. Guru-guru Melayu yang tamat MTTC dikenali dengan gelaran *Teachers Under Other Scheme* (TUOS) dan diiktiraf oleh kerajaan Persekutuan Tanah Melayu. Seorang guru dari Kedah, Cikgu Abdul Rahman Othman menjadi guru Melayu pertama telah lulus dalam latihan keguruan MTTC pada tahun 1951 dengan mendapat kelulusan *First Certificate* dan dibayar gaji sebanyak 80 ringgit sebulan semasa beliau mengajar di Sekolah Melayu Tandop, Alor Setar. Dalam PGMK, beliau memegang jawatan Setiausaha Agung serta mengetuai Jawatankuasa Gaji KPGMS pada tahun 1952 bagi perjuangan menuntut kenaikan gaji supaya setara dengan guru-guru yang mengajar di sekolah-sekolah aliran Inggeris dan aliran Cina.

Selepas tahun 1951, PGMK mengemukakan pula sebuah memorandum tuntutan kepada Pejabat Pelajaran Negeri Kedah dan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu mengenai taraf kedudukan guru-guru Melayu dan sistem pendidikan Melayu yang jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan sistem pendidikan Inggeris dan Cina. Mereka menimbulkan perasaan ketidakpuasan hati disebabkan sistem pendidikan bukan Melayu itu lebih tersusun dan maju daripada sekolah Melayu iaitu dari segi fasiliti sekolah dan kualiti guru. Dalam memorandum tersebut,

pentadbiran British didesak supaya pihak kolonial menambah bilangan guru pelatih Melayu; dan hal itu telah dipersetujui oleh pemerintah British dalam usaha melaksanakannya. Kesannya, pada awal tahun 1952, pihak kolonial mengambil perhatian sewajarnya setelah sejumlah dua belas orang bakal guru ditawarkan peluang berkursus di SITC bagi dilatih menjadi guru (Awang 1974). Dalam hal ini, perjuangan PGMK menuntut supaya tawaran peluang berkursus kepada guru-guru Melayu dapat dipertingkatkan.

Dalam usaha mereka menuntut gaji yang setimpal dengan guru-guru di sekolah aliran Inggeris dan aliran Cina, guru-guru Melayu Kedah menjadikan isu kenaikan gaji sebagai agenda perjuangan utama sejak pertengahan tahun 1940-an hingga sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Pihak pemerintah British memperkenalkan lima Suruhanjaya Gaji dari tahun 1930-an hingga 1950-an, iaitu Tangga Gaji Stockwel (1930 –1948), Suruhanjaya Gaji Trusted (1947), Suruhanjaya Gaji Cawgil (1948), Suruhanjaya Gaji Bersekutu (1949) dan Penyata Benham (1950) (*Chenderamata* 1966). Fungsi memperkenalkan kelima-lima suruhanjaya tersebut bagi mencadangkan kepada pihak kolonial British tentang tangga gaji baharu kepada golongan guru yang menuntut gaji setimpal. Pengenalan suruhanjaya-suruhanjaya itu berturut-turut kerana setiap satunya mendapat bantahan keras daripada guru-guru Melayu Kedah.

Bantahan tersebut disebabkan suruhanjaya-suruhanjaya Stockwel, Trusted dan Cawgil, yang menetapkan tangga gaji kepada guru-guru Melayu Kedah amat jauh berbeza dengan apa yang diterima oleh guru-guru aliran Inggeris yang berkelulusan *Kirkby Teacher's College* di England, sedangkan kedua-dua jenis aliran sekolah adalah tajaan pemerintah British. Keadaan ini jelas apabila gaji bulanan diterima oleh guru Melayu Kedah ketika itu adalah antara 40-85 ringgit sebulan sebaliknya guru pelatih lelaki sekolah Inggeris di Alor Setar, Sungai Petani dan di Kulim menerima sekurang-kurangnya lebih 100 ringgit (Muzammil 2012a, 116). Bagi guru-guru Melayu, jumlah gaji yang diterima adalah tidak berpatutan disebabkan mereka diberi bentuk latihan perguruan yang sama di bawah pentadbiran pendidikan kolonial. Amalan diskriminasi ini tidak menyenangkan hati guru-guru Melayu, termasuklah Penguasa Pelajaran Kedah pada tahun 1940-an, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah. Beliau menyifatkan bahawa;

...kebanyakan guru-guru sekolah Melayu mendapat gaji tiada mencukupi hendak memelihara diri sendiri, tambahan pula dengan anak isteri... (Tunku Abdul Rahman 1951)

Oleh hal sedemikian, perjuangan PGMK dalam soal kenaikan gaji guru-guru Melayu mengambil masa yang bertahun-tahun dan suatu pengalaman yang paling

perit kepada mereka untuk berhadapan dengan sikap berat sebelah pihak pemerintah British di Kedah (Muzammil 2012a, 116).

PGMK melalui pengasasnya, Cikgu Salleh Ibrahim berserta Cikgu Othman Khamis dan Cikgu Muhammad Darus Abdul Rahman merayu kepada pentadbiran kolonial di Kedah untuk menyemak kembali tangga gaji mereka kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 30 Mac 1950 (Ahmad 1977/78). Walau bagaimanapun, pentadbiran pendidikan British di Kedah tetap berdiam diri. Pemimpin PGMK seterusnya membawa perkara tersebut mengadap Sultan Kedah yang ketika itu ialah Sultan Badlishah ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah untuk tindakan berbincang dengan Penasihat British Kedah. Sikap mendiamkan diri yang ditunjukkan oleh Penasihat British tanpa sebab yang konsisten telah menimbulkan kekecewaan guru-guru Melayu Kedah dan menganggap pihak kolonial itu sengaja tidak mengambil berat terhadap kebajikan mereka serta mengiktiraf taraf akademik guru Melayu dan memajukan kerjaya keguruan di Kedah.

Apabila guru-guru Melayu Kedah gagal mempengaruhi pemerintah kolonial British dalam perjuangan menuntut hak itu, mereka bersama-sama KPGMS membawa isu-isu yang ditimbulkan ke peringkat pusat di Kuala Lumpur. Seterusnya, pada tahun 1950 kerajaan Persekutuan Tanah Melayu menubuhkan sebuah suruhanjaya khas bagi menyemak dan mengkaji kedudukan tangga gaji guru-guru Melayu. Suruhanjaya itu, Penyata Benham 1950 hanya kekal selama kira-kira dua tahun sahaja disebabkan perkara-perkara yang terkandung di dalamnya tidak dapat diterima oleh para guru Melayu, terutama guru-guru wanita yang tidak berpuas hati terhadap skim gaji ditawarkan. Pada mulanya mereka menolak secara terang-terangan penyata ini kerana memikirkan tidak mendapat apa-apa faedah langsung dari skim tangga gaji (*Buku Minit Mesyuarat PGMK 1946-1951*). Walau bagaimanapun, mereka terpaksa menerima skim tangga gaji melalui penyata ini dengan beberapa syarat, antaranya ialah penerimaan gaji setimpal dengan kelulusan mereka apabila pihak pemerintah British dan KPGMS menandatangani perjanjian persefahaman tentang gaji pada 31 Julai 1951 (*Chenderamata 1966*). Dibandingkan dengan suruhanjaya gaji sebelum itu, Penyata Benham 1950 menetapkan guru-guru lulusan SITC dan maktab lain menerima gaji sebanyak 240 ringgit hingga 300 ringgit sebulan bagi guru lelaki dan guru wanita pula sebanyak 195 ringgit hingga 240 ringgit sebulan (*Chenderamata 1966*, 81-115). Melihat pada kadar gaji guru lelaki yang lebih tinggi daripada guru wanita tersebut jelas menimbulkan diskriminasi gender dalam kalangan mereka disebabkan perimaan gaji jauh berbeza. Hal ini menimbulkan kesangsian mereka walaupun masing-masing menjalankan tugas dan tanggungjawab yang serupa. Salah seorang guru wanita Melayu dari PGMK, Cikgu Balkis Haji Abdullah telah menyuarakan pandangan tidak puas hatinya tentang perkara itu dan menyifatkan hal tersebut berlaku diskriminasi gender di

dalam kerjaya keguruannya di atas dasar British yang berat sebelah (Balkis Haji Abdullah 2000; *Mujallah Guru* 1949, 1). Tambah beliau lagi;

...dalam mesyuarat PGMK dan KPGMS, cikgu selalu membantah dan mengkritik mereka (pegawai Inggeris) kerana bagi gaji yang tidak sama antara cikgu lelaki dan cikgu perempuan. Gaji cikgu perempuan lebih sedikit dari(pada) cikgu lelaki. Apa sebab terjadi? Adakah orang British sengaja menimbulkan ketegangan sesama cikgu-cikgu Melayu? (Balkis Haji Abdullah 2000)

Pada awal tahun 1950, Cikgu Balkis merupakan wakil PGMK dalam KPGMS dan Lembaga Penasihat Maktab Perguruan Melaka. Kritikan beliau memberi satu tamparan hebat kepada guru-guru Melayu di Kedah terutama guru-guru wanita dengan sikap kolonial British yang tidak sensitif terhadap hal ehwal guru Melayu (*Mujallah Guru* 25 Julai, 1). Hal ini bermaksud, pemerintah British Persekutuan Tanah Melayu masih lagi menimbulkan isu kontroversi dan tidak hanya membeza-bezakan antara guru sekolah Melayu dan guru sekolah bukan Melayu sahaja, tetapi berlaku dalam kalangan guru-guru Melayu.

Walau bagaimanapun, selepas pertengahan tahun 1950-an, perjuangan guru-guru Melayu menuntut hak gaji yang setimpal lebih drastik sehingga kerajaan Persekutuan Tanah Melayu yang baharu ditubuhkan selepas pilihan raya pertama pada tahun 1955 mula mengambil maklum balas bagi membela nasib dan kebajikan guru-guru Melayu di Kedah. Hal ini termasuk beberapa dasar pelajaran iaitu Penyata Pelajaran Razak, 1956 dan Penyata Pelajaran Rahman Talib, 1960 diperkenalkan oleh kerajaan Persekutuan Tanah Melayu bagi memenuhi aspirasi tuntutan golongan guru Melayu terutama gaji bulanan, kenaikan gaji tahunan dan peluang mempertingkatkan taraf pendidikan, walaupun keutamaan lebih kepada kurikulum sekolah.

PERJUANGAN PENDIDIKAN MELAYU DAN BAHASA MELAYU

Selain rasa tidak puas hati terhadap isu pendidikan dan skim gaji yang ditawarkan oleh pihak pemerintah, guru-guru Melayu dalam PGMK bersama-sama KPGMS turut terlibat secara langsung memperjuangkan pendidikan Melayu, sekolah-sekolah aliran Melayu, mempertingkatkan bilangan jumlah anak-anak Melayu, mewujudkan sebuah universiti dan terpenting dalam perjuangan mereka adalah mempertahankan hak pertuanan Melayu dengan cara mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa utama di Tanah Melayu. Menurut salah seorang ahli PGMK, Cikgu Abdul Rahman Othman melalui tulisannya dalam majalah PGMK;

Pada setiap kali kerajaan bersuara hendak menggubal Dasar Pelajaran untuk rakyat negeri ini, PGMK samada secara berasingan atau menerusi KPGMS telah dan tetap mengambil bahagian dengan menghantar cadangan daripada guru-guru Melayu (Abdul Rahman 1971).

Guru-guru Melayu melalui persatuan mereka iaitu PGMK dan KPGMS berjuang mengubah sistem pendidikan zaman kolonial yang diperkenalkan oleh pihak British di Tanah Melayu. Mereka menuntut agar pihak pemerintah British dapat melantik nazir-nazir di sekolah Melayu yang terdiri daripada orang-orang Melayu sendiri (Ahmad 1977/1978). Tujuannya untuk memudahkan nazir-nazir Melayu memantau tugas-tugas pendidikan di sekolah-sekolah serta sebagai satu saluran untuk kemajuan sekolah Melayu sendiri. Selain itu, PGMK juga berusaha supaya jawatan-jawatan lain seperti Penguasa Pelajaran dan Penolong Penguasa Pelajaran di Bahagian Melayu turut dilantik dalam kalangan pegawai-pegawai pelajaran atau guru-guru Melayu. Hal ini adalah kerana jawatan-jawatan tersebut masih dikuasai oleh pegawai-pegawai pentadbir British sejak awal abad ke-20 lagi. Bagi pihak British, nampaknya tuntutan tersebut merupakan suatu permintaan yang agak berat dan drastik, sehingga agak sukar untuk pihak kolonial itu membuat keputusan mengubah dasar tersebut. Bagi kolonial British jika menerima cadangan itu, ia melibatkan maruah mereka sendiri sebagai kuasa penjajah ke atas Tanah Melayu (Muzammil 2005a). Walau bagaimanapun, selepas tamat zaman pendudukan Jepun pada tahun 1945 didapati beberapa jawatan dalam sektor pendidikan mula berubah hingga menjelang kemerdekaan tanah air. Salah seorang daripadanya ialah Tunku Abdul Rahman telah dilantik menjadi Penguasa Pelajaran Kedah menggantikan pegawai Inggeris yang terdahulu, Stockwell. Beliau mengambil alih jawatan itu bermula sejak pemerintahan Siam di Kedah sehingga akhir tahun 1940-an (Muzammil 2012a, 48).

Demi menguasai pentadbiran pendidikan, pihak pemerintah British telah memperkenalkan beberapa dasar pelajaran dalam usaha memperbaiki sistem pendidikan Tanah Melayu sejak tahun 1940-an lagi, iaitu Penyata Pelajaran Jawatankuasa Penasihat Pusat 1949, Penyata Pelajaran Barnes 1950, Penyata Fenn-Wu 1951, Penyata Pelajaran Ordinan 1952, Penyata No. 47/54 1953 dan Penyata Pelajaran Razak 1956. Selepas Tanah Melayu menghadapi keperitan akibat Perang Dunia Kedua dan juga penentangan hebat *Malayan Union* pada tahun 1946, pihak kolonial British perlu berhati-hati membentuk satu dasar pelajaran supaya ia dapat diterima oleh guru-guru dan masyarakat Melayu (*Central Advisory Committee on Education Council* 1950). Perkara ini terjadi kerana semangat nasionalisme Melayu semakin memuncak berikutan kejayaan

mereka menggagalkan rancangan pentadbiran British di Tanah Melayu, *Malayan Union*. Setiap pembentukan sesuatu dasar pelajaran, PGMK akan mengkaji dan berbincang terlebih dahulu bersama-sama KPGMS berkaitan keberkesanan pelaksanaan sesebuah dasar itu. Persatuan guru Kedah itu mencadangkan pembentukan jawatankuasa-jawatankuasa kecil bagi membuat desakan dan bantahan kepada pihak pejabat pelajaran dan pihak pemerintah British jika sesuatu perkara dalam dasar itu menimbulkan keraguan, gagal mencapai kesefahaman antara guru-guru dengan kerajaan penjajah serta sikap tidak adil penjajah terhadap masyarakat Melayu; misalnya, peluang pendidikan kepada anak-anak Melayu.

Selepas rancangan *Malayan Union* menemui kegagalan, dasar pelajaran yang dirangka dan dicadangkan menjadi tidak sesuai diperkenalkan dalam pendidikan Melayu. Oleh itu, kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah membentuk satu badan bagi mengkaji dasar pelajaran yang sesuai di semua peringkat pendidikan. Badan itu dikenali sebagai Jawatankuasa Penasihat Pusat pada tahun 1949 dan laporan jawatankuasa ini diperkenalkan kepada umum pada bulan Mei 1950 (Haris 1990). Jawatankuasa itu diasaskan supaya ia berperanan bagi mengurangkan perbezaan kaum dan mengintegrasikan semua kaum ke arah satu bangsa yang bersatu di Tanah Melayu. Jawatankuasa tersebut juga merangka satu perancangan iaitu memberi pendidikan percuma pada peringkat rendah melalui bahasa pengantarnya, bahasa Inggeris (*Central Advisory Committee on Education Council* 1950).

Bagi pemerintah British, menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa utama pada peringkat sekolah dapat mengurangkan masalah yang timbul berpunca daripada kepelbagaian etnik (Silcock 1946). Pemerintah kolonial itu berpendapat bahawa bahasa itu mampu menjadi medium yang boleh menyatukan penduduk Tanah Melayu. Menurut Silcock, dalam keadaan masih dijajah, bahasa Melayu tidak boleh menyatukan pelbagai masyarakat sebagai bahasa komunikasi yang utama dan hanya bahasa Inggeris sahajalah berupaya berbuat demikian (Silcock 1946). Disebabkan jawatankuasa ini menolak seratus peratus bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah maka cadangannya itu tidak diterima oleh Majlis Perundangan Persekutuan pada bulan Julai 1950 (Haris 1990). Oleh itu, kerajaan telah membentuk sebuah lagi jawatankuasa baharu bagi mengkaji dengan khusus pelajaran masyarakat Melayu supaya dapat diterima mereka. Penyata jawatankuasa baharu ini diketuai oleh L.J. Barnes iaitu seorang pegawai British yang berkhidmat sebagai Pengarah Latihan Sosial di *University of Oxford*, England.

PENYATA PELAJARAN BARNES

Pengenalan Penyata Pelajaran Barnes pada bulan Ogos 1950 oleh kerajaan Persekutuan lebih tertumpu kepada sekolah-sekolah Melayu. Perkara ini disebabkan sistem pendidikan Melayu agak jauh ketinggalan di belakang jika dibandingkan dengan sekolah aliran Inggeris dan Cina yang menggunakan bahasa Inggeris, Mandarin dan Hokkien sebagai alat komunikasi pengajaran dan pembelajaran. Berikut adalah agenda-agenda Penyata Pelajaran Barnes:

- i. Membentuk satu jenis sekolah rendah yang dibuka kepada semua bangsa dan metode pengajarannya dalam bahasa Melayu;
- ii. cara berkesan memilih pelajar-pelajar Melayu serta bangsa lain memasuki maktab perguruan dengan syarat mereka mempunyai kelulusan yang sesuai dan menjadi rakyat Persekutuan Tanah Melayu;
- iii. berusaha meningkatkan kualiti pendidikan termasuk maktab perguruan;
- iv. memperkenalkan subjek-subjek baharu di maktab perguruan;
- v. mempertingkatkan subjek bahasa Inggeris ke atas pelajar-pelajar Melayu; dan,
- vi. menubuhkan beberapa pejabat dan agensi pendidikan di peringkat tempatan supaya pengenalan sistem pendidikan Melayu lebih berkesan.

(Majallah Guru 1951)

Menerusi penyata pelajaran tersebut, pemerintah British ingin membentuk sistem pendidikan yang berperanan mengikut 'acuan' bangsa Tanah Melayu. Dalam masa yang sama, pendidikan percuma selama enam tahun dapat diberikan dengan menggunakan bahasa perantaraannya adalah bahasa Melayu atau Inggeris. Pada peringkat sekolah menengah pula, bahasa perantaraannya tetap bahasa Inggeris (*Report of the Committee on Malay Education 1951*). Pengenalan Penyata Pelajaran Barnes ini telah memberi peluang kepada golongan pendidik dan pegawai Melayu menduduki jawatankuasanya. Reaksi guru-guru Melayu PGMK terhadap Penyata Pelajaran Barnes secara umumnya agak berpandangan positif dan dapat diterima kerana ahli-ahli jawatankuasa yang dilantik majoritinya adalah pemimpin Melayu termasuk dalam kalangan guru Melayu persatuan guru itu. Seorang putera diraja Kedah dan guru wanita Kedah telah terpilih menganggotainya iaitu Tunku Yaakub ibni Sultan Abdul Hamid dan Cikgu Che' Tom Abdul Razak. Cikgu Che' Tom merupakan seorang guru yang telah ditawarkan menjawat jawatan Penyelia Perempuan Sekolah-sekolah Melayu di Alor Setar semasa penyata pelajaran tersebut dirangkakan.

Pada peringkat awal, guru-guru Melayu Kedah menerima penyata pelajaran itu disebabkan ia bermatlamatkan menghasil pelajar-pelajar yang boleh berkomunikasi dengan baik dalam kedua-dua bahasa apabila sampai ke peringkat umur dua belas tahun dan ke atas. Secara keseluruhannya, laporan penyata ini memberi pengiktirafan dan memelihara status bahasa Melayu dengan menaikkan kedudukannya sama penting dengan bahasa Inggeris, sekurang-kurangnya dalam masa enam tahun pertama persekolahan. Walaupun Penyata Pelajaran Barnes ini lebih menumpukan kepada menaikkan taraf pendidikan Melayu dan membuka peluang kepada anak-anak Melayu melanjutkan pelajaran mereka; namun begitu, masih terdapat beberapa kesangsian guru-guru Melayu Kedah terhadap pelaksanaan dasar ini. Kesangsian mereka itu ialah taraf bahasa Inggeris lebih diberi perhatian hingga ke peringkat lebih tinggi iaitu ke peringkat sekolah menengah sebagai bahasa perantara.

Sekalipun sekolah kebangsaan dibina untuk memberi pendidikan percuma kepada pelajar Melayu tetapi kaedah pengajaran dalam bahasa Melayu hanya diajar pada peringkat darjah satu hingga darjah tiga sahaja sedangkan bahasa Inggeris menjadi bahasa pengantar dari darjah empat hingga ke darjah enam. Pada peringkat ini, taraf bahasa Melayu hanya sebagai subjek tambahan sahaja seiring dengan subjek sejarah dan geografi serta tiada pendidikan agama Islam ditumpukan kepada pelajar Melayu. Timbul rasa keraguan dalam hati guru-guru dalam PGMK kerana bahasa Melayu terpaksa berkongsi 'status' bersama-sama bahasa Inggeris (*Buku Minit Mesyuarat Jawatan kuasa Agong PGMK 1946-1955*). Perjuangan mereka tersasar untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah. Kebimbangan mereka berterusan sekiranya bahasa itu akan hilang fungsi serta kedudukannya sebagai bahasa utama kepada masyarakat Melayu di tanah airnya sendiri (Muzammil 2005a).

Kesan Penyata Pelajaran Barnes ini telah gagal untuk mengubah nasib pendidikan masyarakat Melayu khususnya kepada sistem pendidikan di Kedah. Laporan Penyata Pelajaran Barnes tidak berupaya membantu mereka dalam aspek pendidikan dan pembangunan sosial yang lain. Akhbar *The Straits Times* memberi ulasan terhadap pandangan seorang pegawai British yang memegang jawatan Pengarah Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu;

...kerap kali, kebanyakan murid-murid lelaki Melayu yang bijak tidak berjaya pergi ke sekolah Inggeris kerana ibu bapa mereka tidak berupaya membiayai mereka. Kerap kali juga, anak-anak Melayu yang paling berjaya di sekolah Inggeris terpaksa berhenti sebelum tamat sekolah. Amat menyedihkan bahawa jawatan kuasa Barnes telah gagal untuk mencari atau sekurang-kurangnya menyatakan bahawa masalah

utama yang dihadapi adalah ekonomi dan bukan pendidikan. Hanya ada satu cara untuk menyelesaikannya. Sehingga pendidikan mampu menjadi senjata orang-orang Melayu melawan kemunduran ekonomi maka mereka mestilah dibantu (terjemahan dari, *The Straits Times* 1951).

Pada bulan Ogos 1951, guru-guru Kedah telah mengadakan mesyuarat tergepar membincangkan implikasi pelaksanaan Penyata Pelajaran Barnes tersebut. Mesyuarat tersebut juga mengemukakan rayuan bagi mencadangkan pembaharuan dan membuat beberapa pindaan terhadap status bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah aliran Melayu (Ahmad 1977/1978). PGMK mengemukakan satu memorandum kepada pihak pemerintah British dengan mencadangkan enam pindaan dan satu cadangan tambahan dalam penyata Barnes itu (Muzammil 2012a, 123). Cadangan tambahan itu ialah supaya bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar sekolah-sekolah Melayu hingga ke peringkat menengah.

Melihat situasi yang tegang itu, reaksi pertama pihak pemerintah dalam membuat keputusan terhadap memorandum tersebut nampaknya agak tegas apabila menolak cadangan dan segala bantahan guru-guru Melayu Kedah. Walaupun bantahan guru-guru itu tidak dilayan oleh pihak British, pelaksanaan Penyata Pelajaran Barnes itu tetap dilaksanakan di sekolah-sekolah di bawah pentadbiran kolonial British. Dalam tempoh pelaksanaannya di Kedah, didapati kebanyakan sekolah di kawasan luar Alor Setar yang juga dikenali sebagai sekolah rakyat telah diambil alih pentadbiran oleh pemerintah kolonial. Misalnya, sekolah-sekolah rakyat di Kodiang, Baling dan Kuah, Langkawi dibina oleh kesepakatan penduduk setempat yang pada mulanya dibangunkan untuk memberi peluang anak bangsa memperolehi pendidikan asas. Menerusi penyata pelajaran tersebut, guru-guru pelatih kerajaan telah dihantar bertugas mengajar di sekolah-sekolah di kawasan pedalaman dalam usaha memajukan pendidikan anak Melayu. Antara tahun-tahun 1951-1954, kira-kira 200 orang pelajar Melayu yang tamat darjah enam sekolah Melayu diambil menjadi guru pelatih melalui satu peperiksaan khas dan mereka dibayar gaji sebanyak 85 ringgit sebulan (Muzammil 2012a, 123). Jika dibanding dengan pembayaran gaji guru sekolah aliran lain, ia masih jauh berbeza rendahnya dengan gaji yang diperolehi guru-guru Melayu itu sendiri, terutama yang mengajar di sekolah-sekolah aliran Inggeris.

ORDINAN PELAJARAN 1952

Penyata Pelajaran Barnes berkuatkuasa hanya kira-kira tiga tahun sahaja apabila kerajaan Persekutuan Tanah Melayu bercadang memperkenalkan dasar pelajaran

lain yang dikenali sebagai Ordinan Pelajaran 1952 mulai akhir tahun 1952. Ordinan ini diketuai oleh E.E.C. Thuraisingham iaitu salah seorang pegawai yang dilantik melalui Sistem Ahli yang diperkenalkan oleh pihak British pada tahun 1951 sebagai salah satu proses persediaan memerdekakan Tanah Melayu (Milne & Mauzy 1992). Beliau mengetuai Jabatan Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu di Kuala Lumpur. Dasar pelajaran yang baharu dibentuk ini dilaksanakan untuk mengkaji semula penyata-penyata pelajaran terdahulu dan membuat syor-syor dasar baharu dalam pelajaran. Pada asasnya, penyata ini dikemukakan supaya:

- i. mendirikan dua jenis sistem persekolahan iaitu aliran Melayu dan Inggeris serta diberikan pendidikan kepada murid bagi tempoh enam tahun (umur enam hingga dua belas tahun);
- ii. Subjek bahasa Inggeris diajar dari darjah satu di sekolah-sekolah Melayu;
- iii. Subjek bahasa Melayu diwajibkan belajar di sekolah aliran Inggeris dan subjek bahasa Inggeris diwajibkan diajar di sekolah aliran Melayu;
- iv. Pendidikan agama Islam mula diajar untuk pelajar beragama Islam;
- v. sekolah-sekolah memberi pelajaran percuma kepada pelajar;
- vi. Sekolah jenis Cina dan Tamil tidak termasuk dalam sistem pelajaran biasa; dan,
- vii. Pendidikan pertukangan mula diperkenalkan.

(The Education Ordinance 1952)

Reaksi guru-guru Melayu tanah air terhadap Ordinan Pelajaran 1952 agak mengejutkan sehingga pihak kolonial British menerima kecaman hebat dalam kalangan guru-guru Melayu tanah air termasuk guru-guru dari Kedah. Guru-guru Melayu Kedah tidak dapat menerima sepenuhnya ordinan pelajaran ini kerana isu-isu yang berkaitan dengan penyusunan semula sistem persekolahan Melayu tidak memuaskan hati mereka terutama melibatkan taraf bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Cikgu Che' Tom memperjelaskan PGMK berkehendakkan bahasa Melayu menjadi bahasa pengajaran dan pembelajaran supaya setanding dengan bahasa Inggeris di sekolah-sekolah Melayu dan sekolah vernakular lain (*Majalah Guru* 1954). Kenyataan Cikgu Salleh Ibrahim turut senada dengan penjelasan Cikgu Che' Tom bahawa;

...kami cikgu-cikgu Kedah menuntut supaya kerajaan British menaikkan taraf sekolah-sekolah Melayu terutama di pedalaman Kedah (Salleh Ibrahim, *Majalah Guru* 1954),

dan dengan lantangnyanya, beliau bersuara dengan penuh keyakinan;

...kami tidak sabar begitu lama lagi, kerana setiap tahun beribu-ribu orang murid-murid yang tamat Darjah VI Sekolah Melayu terbiar begitu sahaja tanpa

dapat melanjutkan pelajaran menengah mereka seperti rakan-rakan mereka dari aliran Inggeris (Ahmad bin Md. Saman 1977/78, 342).

Malahan beliau menambah lagi, guru-guru Melayu menuntut layanan yang lebih adil kepada mereka agar setanding dengan guru-guru aliran Inggeris dari segi penerimaan pelbagai imbuhan yang setimpal serta kebajikan terbela (Salleh Ibrahim, *Majalah Guru* 1954, 246).

Guru-guru Melayu Kedah bersependapat dengan persatuan induk mereka, KPGMS iaitu sebab utama cadangan dasar British ini dikritik hebat oleh guru-guru ialah dasar tersebut jauh menyimpang daripada perjuangan mereka jika dibandingkan dengan Penyata Pelajaran Barnes yang sebelum ini diperkenalkan. Tujuan pelaksanaan Ordinan Pelajaran 1952 dalam dasar pendidikan kebangsaan ialah untuk 'mengerisakan' semua sekolah-sekolah di Tanah Melayu yang turut meliputi sekolah-sekolah aliran Melayu. Menurut ulasan daripada suara mereka;

Gerakan KPGMS yang kencang sekali ialah pada masa Dasar Pelajaran Thuraisingham diterbitkan. Oleh kerana kandungan yang merbahaya dalam Dasar Thuraisingham itu ialah hendak mengerisakan semua sekolah-sekolah Melayu, maka tentangan hebat dari KPGMS telah dilakukan dan kemudiannya diikuti oleh seluruh rakyat jelata (*Majalah Guru* 1954, 246).

Oleh itu dapat dikatakan bahawa PGMK mahukan kerajaan kolonial British mengubah dasar pendidikan yang selama ini dilaksanakan di Tanah Melayu. Menurut pandangan Cikgu Abdul Rahman Othman, tahun bertahun silih berganti penyata pelajaran diperkenalkan namun tiada gunanya dilaksanakan jika pandangan pemerintah kolonial terhadap masyarakat Melayu masih ditakuk yang lama dan (Muzammil 2012a, 120). Namun begitu, sikap dingin dan berkeras hati pihak British dalam isu-isu yang diperjuangkan oleh golongan guru Melayu telah menimbulkan ketegangan antara dua pihak tersebut.

SITUASI KETEGANGAN ANTARA GURU-GURU DENGAN PEMERINTAH

Ketika menghadapi suasana yang agak tegang antara pihak kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dengan guru-guru Melayu, maka pemerintah British mewujudkan sebuah jawatankuasa khas bagi mengkaji dan menangani masalah

yang timbul berkenaan Ordinan Pelajaran 1952 ini dengan harapan dapat mengurangkan perasaan tidak puas hati guru-guru Melayu. Penyata ini juga dikenali dengan Penyata Pelajaran 47/54 dan dipengerusikan sekali lagi oleh Thuraisingham. Guru-guru Melayu Kedah telah menghadiri satu mesyuarat tergepar di Pulau Pinang pada 18-19 Mac 1955 yang dipengerusikan oleh wakil KPGMS bagi membincangkan perkara berbangkit berkenaan penyata pelajaran tersebut. Menerusi mesyuarat itu, seorang wakil dari Selangor telah mencadangkan penyata pelajaran tersebut perlu ditolak dan resolusi itu disokong oleh seorang wakil dari Pahang (Fail PGMK 32/55 1955). Setelah berpolemik dengan penuh semangat ke-Melayuan dan nasionalisme, akhirnya mesyuarat khas itu tidak dapat menerima syor-syor dasar yang dicadangkan oleh Thuraisingham kerana tidak membawa apa-apa kebaikan terhadap sekolah dan pendidikan kebangsaan Melayu. Mesyuarat itu mengambil keputusan sebulat suara menolak Kertas Putih 47/54 (Fail PGMK 32/55 1955). Selepas mesyuarat tergepar KPGMS yang berlangsung di Pulau Pinang itu, PGMK di Alor Setar turut mengadakan mesyuarat susulan dan berpolemik tentang kelemahan pelaksanaan penyata-penyata pelajaran sebelum itu serta Penyata Pelajaran 47/54 terhadap kesan kepada sistem pendidikan Melayu. Mesyuarat yang berlangsung di Sekolah Melayu Sungai Korok Bahru, Jalan Pegawai pada 4 Mei 1955 sebulat suara memutuskan;

Bahawasanya majlis mesyuarat agung tergepar PGMK yang telah bersidang di Sekolah Melayu Sungai Korok Bahru, Alor Setar pada 4 Mei 1955 telah mengambil keputusan menolak kertas putih Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu berkenaan dengan Dasar Pelajaran 47/54 setelah membahasnya (*Buku Minit Mesyuarat Jawatan kuasa Agong PGMK 1946-1955*, 181).

Keputusan sebulat suara guru-guru Kedah bersama guru-guru dalam KPGMS yang menghadiri mesyuarat itu telah menunjukkan mereka mempunyai persamaan perjuangan dan persefahaman yang kukuh terhadap nasib pendidikan Melayu tanah air. Perjuangan guru-guru Melayu ini membuktikan yang mereka berjiwa besar dan gigih membela nasib anak-anak Melayu menerima pendidikan yang sempurna dan mendaulatkan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan tanah air.

Namun secara rasionalnya, berdasarkan pada syor kedua-dua penyata pelajaran yang dirancang oleh pihak penjajah itu, dapat diinterpretasikan sebagai cubaan membelakangi kedaulatan bahasa Melayu serta mahu menghapuskan sekolah-sekolah aliran Melayu dan digantikan dengan sekolah aliran Inggeris secara evolusi (Muzammil 2012a). Seterusnya, tindakan berat sebelah terhadap sistem

pendidikan Melayu secara tidak langsung telah mencetus semangat dan kesedaran nasionalisme kepada guru-guru betapa selama ini bangsa mereka ditindas tanpa disedari. Oleh hal demikian, melalui berpersatuan iaitu PGMK, perpaduan antara mereka dapat dipupuk dan dijadikan sebagai alat komunikasi sesama guru Melayu untuk mencapai hasrat seterusnya membebaskan pendidikan Melayu daripada cengkaman penjajah.

Dasar perjuangan PGMK dalam mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan kebangsaan amat jelas mulai tahun 1950-an. PGMK bersama-sama persatuan induknya di peringkat kebangsaan iaitu KPGMS telah berganding bahu berjuang bersama-sama. Sebenarnya, usaha untuk mendaulatkan bahasa Melayu ini bermula sejak tahun 1946 lagi dan terus berkembang sehingga menjelang kemerdekaan. Mereka mendesak pihak pemerintah British supaya membuat pindaan terhadap Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948 yang terkandung dalam Perkara 35 yang memaktubkan bahasa rasmi Persekutuan Tanah Melayu kepada bahasa Melayu, iaitu:

Bahawasanya Bahasa resmi Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu ini adalah Bahasa Melayu dan Inggeris, maka sebarang apa yang hendak ditulis dan dicetak hendaklah dalam kedua-dua bahasa itu. Akan tetapi manakala sampai masanya maka Bahasa Melayu sahajalah menjadi bahasa resmi yang tunggal. Maka sebarang apa yang hendak ditulis dan dicetak hendaklah dibuat dalam Bahasa Melayu sahaja (*Majalah 20 Tahun KPGMS Berjuang 1946-1966b 65*).

Dalam konteks ini, bahasa Melayu bukan sahaja berperanan sebagai alat peniup semangat nasionalisme tetapi juga sebagai salah satu cara membangunkan negara melalui pendidikan dan mencapai perpaduan rakyat melalui sistem pendidikan yang unggul tanah air (Muzammil 20012). Cikgu Ibrahim Saad berpendapat, pihak pemerintah British harus memberi penekanan kepada masyarakat berbilang kaum supaya dapat menguasai bahasa Melayu dan secara tidak langsung usaha memartabatkan bahasa ini tercapai (Ibrahim 2000). Pandangan Cikgu Ibrahim itu berlandaskan kepada tiga isu yang paling ketara diketengahkan oleh guru-guru PGMK pada sekitar tahun 1954 hingga 1960 iaitu pendidikan kebangsaan, mengangkat ketuanan bahasa Melayu dan mempertingkatkan kebajikan guru-guru Melayu di Kedah (Muzammil 2005a).

Desakan daripada guru-guru Melayu kepada pihak pemerintah British supaya mengambil berat tentang perjuangan mereka memajukan pendidikan anak bangsa dan mendaulatkan bahasa Melayu ini, maka insiatif PGMK membantu KPGMS menyusun satu memorandum khas pada tahun 1955. Memorandum tersebut

dicadangkan supaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu melindungi dan memelihara keutuhan bahasa Melayu. Memorandum itu mencatatkan bahasa Melayu perlu dilindungi melalui:

- i. ia tidak dicabuli oleh bahasa-bahasa lain;
- ii. perlu berusaha bersungguh-sungguh mendaulatkan bahasa Melayu dalam segala urusan rasmi kerajaan, nama-nama jabatan dan perkara yang berkaitan undang-undang mesti ditulis dalam bahasa itu;
- iii. harus memperluaskan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah dan di Universiti Malaya. Dalam masa yang sama, kerajaan perlu mengadakan kelas-kelas khas bahasa Melayu untuk melatih pegawai-pegawai kerajaan supaya bertutur dalam bahasa itu;
- iv. subjek bahasa Melayu wajib diambil serta lulus dalam mana-mana Sijil Persekolahan. Oleh hal sedemikian, kerajaan hanya akan mengiktiraf sijil tersebut jika mempunyai kelulusan bahasa Melayu; dan,
- v. kerajaan perlu mengadakan kongres-kongres dan seminar untuk membincangkan hala tuju bahasa Melayu supaya status bahasa itu sebagai bahasa rasmi menjadi kenyataan.

(Majalah 20 Tahun KPGMS Berjuang 1946-1966b)

Dalam masa yang sama, guru-guru PGMK yang diketuai Cikgu Saidin Hanafi membantah keras Pertubuhan Cina Perak yang mengemukakan cadangan supaya menjadikan bahasa Cina sebagai salah satu bahasa rasmi Persekutuan Tanah Melayu bersama-sama bahasa Inggeris dan bahasa Melayu (Muzammil 2005a). Selain pertubuhan itu, sebanyak 142 pertubuhan-pertubuhan sosial Cina lain dan *Association of Chinese Teachers of Malaya* telah membuat tuntutan yang sama kepada Kerajaan Persekutuan (Fail PGMK 38/55 1955). Guru-guru Melayu Kedah bangkit memprotes hasrat masyarakat Cina tersebut demi mempertahankan kedudukan bahasa Melayu supaya tidak diganggu gugat, tidak dicabar keutuhan dan kedaulatannya. Selain PGMK, Persatuan-persatuan guru Melayu di negeri-negeri lain serta pertubuhan politik Melayu iaitu PAS, PUK dan UMNO turut membantah keras cadangan persatuan-persatuan Cina (Fail PGMK 38/55 1955). Tindakan protes daripada gabungan guru Melayu tersebut terhadap tuntutan masyarakat Cina mendapat perhatian daripada pemerintah kerajaan persekutuan Tanah Melayu. Pihak pemerintah telah mengetepikan tuntutan mereka menaiktarafkan bahasa Cina sebagai bahasa utama Tanah Melayu.

MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU DI INSTITUSI

Dalam usaha mempertingkatkan dan mendaulatkan bahasa Melayu, peranan Pejabat Karang Mengarang di SITC telah diperluaskan lagi terutama menterjemahkan bahan-bahan bacaan dan buku-buku bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu. Di samping itu, beberapa langkah diambil oleh Pejabat itu dalam tindakan dan usaha supaya mengeluarkan lebih banyak buku bacaan melalui beberapa peraduan karang mengarang dalam bahasa Melayu. Pejabat Karang

Mengarang ditubuhkan pada tahun 1924 yang asalnya dikenali dengan Pejabat Terjemah-menterjemah oleh O.T Dussek iaitu Pengetua institusi itu dari tahun 1922 hingga 1926. Beliau berinisiatif tinggi membangunkan bahasa Melayu agar setanding kedudukan tarafnya dengan bahasa Inggeris. Memetik kata-kata beliau dari akhbar *The Straits Times*,

Bahasa kamu, saya percaya, diucapkan satu daripada rumpun-rumpun bahasa terbesar di dunia ini. Jangan lupakan hakikat itu. Pelihara bahasa kamu itu. Berusahalah meninggikannya ke taraf yang layak dalam kalangan bahasa-bahasa dunia. Apabila martabat bahasa kamu tinggi, akan tinggi pulalah martabat bangsa kamu (terjemahan dari, *The Straits Times* 23 November 1935, 10)

Kata-kata perangsang Dussek itu telah memberangsangkan semangat guru-guru Melayu dari PGMK yang menerima latihan perguruan di institut itu bangkit berjuang mempertahankan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi di sekolah-sekolah di Kedah. Antara guru-guru Melayu dari Kedah yang menerima latihan perguruan di SITC ialah Cikgu Maarof Haji Abu Bakar, Cikgu Ku Baharom dan Cikgu Salleh Ibrahim. Cikgu Salleh menuntut ilmu keguruan di institut itu dari tahun 1928 hingga 1930 dan bergiat aktif dalam PGMK dan KPGMS (Muzammil 2012a, 22).

Peranan guru-guru Melayu Kedah seterusnya dalam usaha mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu ialah memberi sokongan padu kepada hasrat KPGMS mewujudkan Jabatan Pengajian Melayu (JPM) di Universiti Malaya yang ketika itu berlokasi di Singapura. Tujuannya masih sama iaitu mengangkat bangsa Melayu dan taraf bahasa Melayu dalam bidang keilmuan dan penyelidikan oleh para sarjanawan di kepulauan Melayu. Melalui Mesyuarat Agung Tahunan KPGMS pada akhir tahun 1949 di Melaka, kongres kesatuan ini membuat keputusan hendak membentuk sebuah Kerusi Melayu di Jabatan Pengajian Melayu di Universiti Malaya, Singapura dengan mengeluarkan perbelanjaan sendiri ((*Majalah 20 Tahun KPGMS Berjuang 1946-1966b*). Bagi mencapai cadangan ini, guru-guru Melayu Kedah turut sama berganding bahu dan tenaga serta mencari dana kewangan supaya projek ini menemui kejayaan seperti yang diimpikan oleh kesatuan guru Melayu induk itu. Guru-guru PGMK mendesak Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu supaya mengambil langkah sewajarnya menubuhkan JPM di Singapura. Guru-guru Melayu Kedah yang diketuai oleh Cikgu Salleh Ibrahim telah membentuk satu jawatankuasa kecil bagi perancangan memungut derma sehingga mencapai sasaran 60,000 ringgit agar hasrat penubuhan JPM ini berjalan lancar dan berjaya dilaksanakan (Muzammil 2012a, 128). Menyingkap sejarah awal pengasasannya, penubuhan

JPM ini ditentang hebat oleh pihak penjajah dengan mengutarakan alasan tiada sumber kewangan yang mencukupi untuk diperuntukkan mewujudkan jabatan itu. Justeru itu, guru-guru Melayu di seluruh Tanah Melayu menganggap pihak kerajaan Persekutuan Tanah Melayu tidak berusaha secara serius mewujudkan jabatan ini kerana kebimbangan mereka akan melahirkan golongan intelektual Melayu yang boleh menggugat kedudukan kuasa kolonial di Singapura dan di Kuala Lumpur. Selain itu, pemerintah British merasakan kegusaran dan kekhuatiran bahasa Melayu berkemampuan mencabar dan mewujudkan persaingan kepada bahasa Inggeris yang selama ini menjadi tunjang pentadbiran kolonial dan bahasa komunikasi utama di Tanah Melayu dan Singapura.

Walau bagaimanapun, penubuhan JPM telah berjaya diasaskan di Universiti Malaya, Singapura dalam tahun 1953. Sungguhpun pengasasan jabatan ini bukanlah atas sumber kewangan daripada gabungan persatuan guru-guru Melayu Semenanjung tetapi akhirnya dibiayai oleh pihak kolonial British juga setelah didesak oleh PGMK dan persatuan guru-guru Melayu di negeri-negeri lain. Semua wang yang berjaya dikumpul oleh PGMK diserahkan kepada KPGMS bagi tujuan didermakan ke dalam tabung kewangan khas JPM. Hasil pengumpulan wang itu dapat memantapkan lagi institut pengajian yang unggul itu seperti membantu kebajikan anak-anak Melayu serta menyediakan dana penyelidikan berkaitan hal ehwal ke-Melayuan serantau. Salah seorang tenaga pengajar JPM, Universiti Malaya, Singapura adalah juga ahli PGMK yang berasal dari Yan, Kedah, Cikgu Ismail Hussein, antara pengasas penubuhan jabatan akademik tersebut bersama-sama guru Melayu Semenanjung (*Jurnal Bahasa dan Persuratan* 2018).

Selain itu, guru-guru Melayu seterusnya berjuang mewujudkan sebuah jabatan khas bagi memperkembangkan lagi bahasa Melayu, seperti yang terdapat di Indonesia iaitu Balai Pustaka. Setelah ditubuhkan dalam tahun 1956, jabatan ini dikenali dengan nama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan beribu pejabat di Kuala Lumpur (Akta 213/Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1959). Usaha-usaha lain yang dilakukan oleh guru-guru Melayu dalam PGMK melalui KPGMS ialah penubuhan Maktab Perguruan Bahasa pada 12 Januari 1956 di Lembah Pantai, Kuala Lumpur melalui syor-syor dalam Penyata Razak 1956 supaya sebuah institut pendidikan melatih bakal guru bahasa Melayu dapat dilahirkan.

KESIMPULAN

Sesungguhnya perjuangan guru-guru Melayu Kedah memainkan peranan penting dalam usaha-usaha bersama gabung persatuan guru tanah air mengasaskan institusi akademik dan penyelidikan berkenaan bahasa Melayu. Usaha-usaha guru-guru Melayu untuk memperjuangkan bahasa Melayu di institut yang

dinyatakan itu merupakan suatu usaha yang gigih demi memartabatkan bangsa Melayu sebagai medium komunikasi dan secara tidak langsung mengangkat agama Islam seiring dengan martabat bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi tanah air. Hal ini adalah kerana masyarakat Melayu menganuti agama itu serta berkomunikasi dalam bahasa mereka sendiri, bahasa Melayu selain bahasa Arab dan bahasa Inggeris.

Keseluruhannya, memperlihatkan bahawa sistem pendidikan Melayu yang diperkenalkan oleh pihak penjajah British kepada masyarakat Melayu serta isu gaji guru-guru Melayu yang tidak diendahkan telah meninggalkan implikasi mendalam kepada guru-guru Melayu di Kedah dan juga seluruh tanah air. Atas kepinggiran ini menyebabkan pihak penjajah mengklasifikasikan masyarakat Melayu sebagai sebuah masyarakat yang tidak mempunyai daya saing terutama dalam bidang ekonomi dan perniagaan, malah rendah taraf pendidikannya. Guru-guru Melayu Kedah menerusi persatuan mereka, PGMK mulai bersuara dan berperanan yang penting dalam kemajuan pendidikan anak bangsa dan pendidikan guru yang tidak dipandang oleh pihak pemerintah British. Perjuangan guru-guru Melayu Kedah dalam menuntut supaya gaji mereka dinaikkan dan setanding dengan gaji guru-guru di sekolah aliran Inggeris telah diambil perhatian pemerintahan menjelang kemerdekaan negara. Gabungan guru-guru Melayu memainkan peranan sebagai kumpulan pendesak yang terlibat dalam mendesak dan memprotes pihak pemerintah British dan kerajaan yang memerintah sebelum Tanah Melayu merdeka seperti yang dilakukan oleh PGMK. Hasrat mereka menuntut supaya bahasa Melayu diangkat sebagai bahasa perantara bukanlah hendak menidak atau menghapuskan bahasa-bahasa lain tetapi mahu mewujudkan bahasa tunggal, menyatupadukan pelbagai bangsa dan mewujudkan satu identiti kebangsaan tersendiri. Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu berupaya bertolak ansur terhadap etnik lain di Tanah Melayu dari segi penggunaan bahasa ibunda masing-masing. Perjuangan PGMK akhirnya berbuah hasilnya apabila bahasa Melayu diiktiraf sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan negara sehingga kini, walaupun pendidikan berasaskan kaum iaitu vernakular Cina dan Tamil masih wujud (*Berita Harian* 1 September 2020).

Perjuangan guru-guru Kedah sejak dari awal abad ke-20 hingga Tanah Melayu mencapai kemerdekaan memperlihatkan seolah-olah guru-guru Melayu Kedah sebagai 'agen pembangunan' masyarakat Melayu apabila mereka berjuang dalam 'politik bahasa' dan 'politik pendidikan', seiring dengan perjuangan kemerdekaan dan perjuangan pengisian kemerdekaan. Segala isu tuntutan gaji, pendidikan guru, kemudahan sekolah dan nasionalisme bahasa yang telah dikemukakan oleh persatuan guru dari Kedah itu telah berjaya membuka mata pihak kolonial British dan pemerintah Persekutuan Tanah Melayu mengambil tindakan lebih drastik dalam usaha mengatasinya. Akhir sekali, bahasa Melayu telah diangkat menjadi

bahasa rasmi dan termaktub dalam Perkara 152, Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu ketika negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 dan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi diperkukuhkan lagi melalui Akta Bahasa Kebangsaan 1967 (*Perlembagaan Persekutuan* 1972, 171-172). Kedaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan terkandung dalam Dasar Pelajaran Kebangsaan sebagai bahasa rasmi dan bahasa pengantar yang tunggal dalam sistem pendidikan negara melalui Penyata Razak 1956 dan diteruskan dalam Penyata Rahman Talib 1960 (*Surat Pekeliling Am No. 12* 1967). Tuntasnya, usaha perjuangan guru-guru Melayu Kedah melalui PGMK dan persatuan-persatuan guru tanah air mencapai kejayaan dalam pendidikan tanah air.

RUJUKAN

Sumber Primer

- Abdul Rahman Othman. 1951. 'Setiausaha Jawatankuasa Guru Gaji 'B''. *PGMK 5 Tahun 1946-1950*. Alor Setar: Persatuan Guru Melayu Kedah (PGMK).
- Abdul Rahman bin Othman. 1971. 'Dasar Pelajaran'. *PGMK 25 Tahun 1946-1966*. Alor Setar: Persatuan Guru-guru Melayu Kedah (PGMK).
- Akta 213/Akta Dewan Bahasa dan Pustaka*. 1959. (Disemak 1978).
- Balkis Haji Abdullah, temu bual pada 19 Mac 2000 di Kuala Lumpur.
- Buku Catitan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Kedua*. 1946, 12 Disember. Persatuan Guru Melayu Kedah (PGMK) 1946-1947. Alor Setar: Persatuan Guru-guru Melayu Kedah (PGMK).
- Buku Minit Mesyuarat Agung PGMK*. 1946, 1 April. Agenda 1 (a) Mengenai Pelajaran. 1365 Hijrah, 28 Rabiulakhir. Alor Setar: Persatuan Guru-guru Melayu Kedah (PGMK).
- Buku Minit Mesyuarat Jawatan kuasa Agong PGMK 1946-1955*, Persatuan Guru Melayu Kedah (PGMK). Alor Setar: Persatuan Guru-guru Melayu Kedah (PGMK).
- Buku Minit Mesyuarat PGMK 1946-1951*. Agenda 6, Minit Mesyuarat Jawatan kuasa Agung Persatuan Guru Melayu Kedah (PGMK). Alor Setar: Persatuan Guru-guru Melayu Kedah (PGMK).
- _____. 1946-1951. Keputusan Mesyuarat Agung Tergempar Berkenaan Penyata Benham 1950. Persatuan Guru Melayu Kedah (PGMK). Alor Setar: Persatuan Guru-guru Melayu Kedah (PGMK).
- Chenderamata*. 1966. *Tangga Gaji, 20 Tahun KPGMS Berjuang 1946-1966*. Kesatuan Persekutuan Guru-guru Melayu Semenanjung. Kuala Lumpur: Kesatuan Persekutuan Guru-guru Melayu Semenanjung (KPGMS).
- _____. 1971. *PGMK 25 Tahun 1946-1971*. Alor Setar: Persatuan Guru-guru Melayu Kedah (PGMK).
- Fail PGMK 32/55, Persatuan Guru Melayu Kedah (1955). *Agenda 11, Mesyuarat Agung KPGMS Ke-10*. Alor Setar: Persatuan Guru-guru Melayu Kedah (PGMK).

- Fail PGMK 38/55. 24 Ogos 1955. *Cabutan Memorandum Bantahan KPGMS Mengenai Tuntutan Pertubuhan China Dalam Masalah Bahasa*. Kuala Lumpur: Kesatuan Persekutuan Guru-guru Melayu Semenanjung (KPGMS).
- Federation of Malayan. 1950. *Central Advisory Committee on Education Council Paper No. 29 of 1950*. (perenggan 1). Kuala Lumpur, Selangor: Government Press.
- Federation of Malaya. 1951. *Report of the Committee on Malay Education*. (Bab 4, perenggan 1 dan 12). Kuala Lumpur: Government Press.
- Federation of Malaya, The Education Ordinance. 1952. *Council Paper No. 63 of 1952*. (perenggan 21). Kuala Lumpur: Government Press.
- Federation of Malaya. 1956. *Annual Report on Education for 1955*. Kuala Lumpur: Government Press.
- Laporan Pelajaran Malaysia. 1968. *The Educational Planning and Research Division, Education in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Majalah 20 Tahun KPGMS Berjuang 1946-1966a*. Dasar Pelajaran Kebangsaan. Kuala Lumpur: KPGMS.
- Majalah 20 Tahun KPGMS Berjuang 1946-1966b*. Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: KPGMS.
- Majalah Guru*. 1954. Ogos. Kuala Lumpur: KPGMS.
- Majallah Guru*. 1951. Disember. Penyata Jawatan kuasa Pelajaran Melayu (Barnes Report). Kuala Lumpur: KPGMS.
- Mujallah Guru*. 1949. 25 Julai. Bil. 7, tahun 25. Kuala Lumpur, Selangor: KPGMS.
- Othman bin Khamis. 1971. *Sejarah Rengkas Persekutuan Naungan Guru-guru Kedah. Chenderamata PGMK 25 Tahun 1946-1971*. Alor Setar: PGMK
- Perlembagaan Persekutuan (Terjemahan)*. 1972. Jabatan Peguam Negara. Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan Malaysia.
- Surat Pekeliling Am No. 12*. 1967. Jabatan Perdana Menteri. Kerajaan Malaysia.
- Tunku Abdul Rahman. 1951. *PGMK 5 Tahun 1946-1950*. Persatuan Guru-guru Melayu Kedah. Alor Setar: PGMK.
- The Straits Times*. 1935. 23 November. (Sumber arkib)
- The Straits Times*. 1951. 5 September. (Sumber arkib)
- Warta Negara*. 1955. 4 Mei. (Sumber arkib)

Sumber Sekunder

- Abdullah Sanusi bin Ahmad. 1966. *Peranan Pejabat Karang-Mengarang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad bin Md Saman. 1977/78. *Persatuan Guru-guru Melayu Kedah (PGMK) Pergerakan Dan Perjuangannya 1946-1958*. Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Awang Had Salleh. 1974. *Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya Zaman British (dengan rujukan khas kepada Sultan Idris Training College)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Berita Harian*. 2020. Sekolah Vernakular Punca Bahasa Melayu Terpinggir. 1 September. URL, <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2020/09/726695/sekolah-vernakular-punca-bahasa-melayu-terpinggir> (Tarikh akses 10 Oktober 2020)
- Berita Harian*. 2020. Pastikan bahasa Melayu jadi teras pendidikan negara. 9 September. URL, <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/09/729342/pastikan-bahasa-melayu-jadi-teras->

- pendidikan-negara (Tarikh akses 10 Oktober 2020)
- Bretherton, E. S. H. 1934. *Memorandum on the SITC and Malay Vernacular Education*. Singapore: Singapore Press Ltd.
- Haris Md. Jadi. 1983. *Ethnicity, Politics and Education: A Study in the Development of Malayan Education and Its Policy Implementation Process 1955-1970*. Tesis Ph.D., Keele University at England.
- _____. 1990. *Etnik, Politik Dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim Saad. 2000. Temubual di Bukit Tinggi, Jitra, Kedah. 1 April.
- Jurnal Bahasa dan Persuratan*. 2018. Singapura: Majlis Bahasa Melayu Singapura. URL, <https://www.languagecouncils.sg/mbms/en/-/media/mlc/documents/pdfs/sekata/sekata-master-e-version---27-august-2018.pdf> (Tarikh akses 11 Ogos 2020)
- Milne, R. S. & Mauzy, Diane K. 1992. *Politik dan Kerajaan di Malaysia*. (terj. Abd. Rauf Mohd. Nafis & Ramlah Muhamad). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Milner, A. C. 1982. *Kerajaan: Malay Political Culture On The Eve Of Colonial Rule*. Tucson: The University Of Arizona Press.
- Mohamad Muzammil bin Mohamad Noor. 2005a. *Guru Melayu di Kedah: Penglibatan dalam Politik, 1940-1960*. Tesis Sarjana Sastera, Universiti Sains Malaysia.
- Mohamad Muzammil Mohamad Noor. 2005b. Peranan Guru Melayu di Kedah dalam Pilihanraya Umum Pertama Tahun 1955. *Jurnal Sejarah*, Vol. 13, No. 13: 121-147.
- _____. 2011. Cikgu Balkis: Tokoh Nasionalis dari Kedah. *Jurnal Biografi Malaysia [Journal of Malaysian Biographies]*. Vol. 4: 91-104.
- _____. 2012a. *Guru Melayu dan Politik di Kedah, 1940-1960*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- _____. 2012b. Perpaduan Guru Melayu dalam Perjuangan Mendaulatkan Bahasa Kebangsaan dan Sistem Pendidikan Sekolah Melayu di Kedah Sebelum Merdeka. *Kedah Dari Segi Sejarah*, Jurnal PSMCK. Jilid XIII, Bil. 1: 163-182.
- _____. 2015. *Pemikiran Politik Islam: Perbandingan antara Pemikiran Dr. Burhanuddin al-Helmi dengan Muhammad Natsir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Silcock, T. H. 1946. Forces of Unity in Malaya: Observations of a European Resident. *Journal of International Affairs*, Vol. 25.
- Stockwell, A.J. 2009. The Crucible of the Malayan Nation: The University And The Making Of A New Malaya. 1938-1962. *Modern Asian Studies*. Vol. 43, 5:1149-1187.